

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 22 JANUARI 2014 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Amaran angin kencang, laut bergelora sehingga Sabtu	Bernama.com
2.	Amaran angin kencang, laut bergelora kategori ketiga sehingga Sabtu	Bernama.com
3.	Laut bergelora: operasi bot ekspres dihenti sementara	Bernama.com
4.	Fenomena ikan terdampar di pesisir	Kosmo
5.	Strong winds, rough seas warning	The Sun

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 22 JANUARI 2014 (RABU)



Amaran Angin Kencang, Laut Bergelora Sehingga Sabtu

KUALA LUMPUR, 21 Jan (Bernama) -- Angin kencang Timur Laut yang berlaku di perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor Timur, Sabah (Pedalaman, Pantai Barat Kudat dan Sandakan), Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak, dijangka berterusan hingga Sabtu.

Angin berkelajuan dari 60 km sejam itu disertai ombak dengan ketinggian melebihi 5.5 meter, kata **Jabatan Meteorologi** dalam kenyataan Isnin.

Selain itu, kawasan pantai di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur terdedah kepada kenaikan paras air laut, dan keadaan itu turut dijangka berterusan hingga Sabtu.

Menurut kenyataan itu lagi, keadaan angin kencang dan laut bergelora berkenaan berbahaya kepada semua aktiviti pantai termasuk pekerja di pelantar minyak.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 22 JANUARI 2014 (RABU)



Amaran Angin Kencang, Laut Bergelora Kategori Ketiga Sehingga Sabtu

KUALA LUMPUR, 21 Jan (Bernama) -- **Jabatan Meteorologi** pada Selasa mengeluarkan amaran angin kencang dan laut bergelora kategori ketiga bagi beberapa kawasan di negeri-negeri pantai timur semenanjung serta Sabah dan Labuan.

Jabatan itu dalam satu kenyataan berkata angin kencang Timur Laut di perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor Timur, Sabah (Pedalaman, Pantai Barat Kudat dan Sandakan), Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak, dijangka berterusan hingga Sabtu ini.

"Angin berkelajuan dari 60km sejam itu disertai ombak dengan ketinggian melebihi 5.5 meter.

"Selain itu, kawasan pantai di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur terdedah kepada kejadian kenaikan paras air laut," katanya.

Keadaan angin kencang dan laut bergelora itu berbahaya kepada semua aktiviti pantai dan perkapalan termasuk pekerja di pelantar minyak.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 22 JANUARI 2014 (RABU)



Laut Bergelora: Operasi Bot Ekspres Dihenti Sementara

KUCHING, 21 Jan (Bernama) -- Operasi bot ekspres bagi laluan Kuching-Sarikei-Sibu dihentikan sementara mulai Selasa berikutnya cuaca buruk dan laut bergelora.

Jurucakap Lembaga Sungai-Sungai Sarawak (LSS) berkata laluan antara Muara Tebas, Kuala Rajang dan Tanjung Po juga ditutup kerana ramalan angin kencang dan laut bergelora.

"Operasi ini dihentikan sehingga satu tarikh yang akan diberitahu kelak," kata jurucakap LSS kepada Bernama hari ini.

Menurutnya **Jabatan Meteorologi Malaysia** meramalkan angin akan bertiup kencang antara 40 hingga 60km sejam dengan lambungan ombak setinggi tiga meter sehingga Jumaat ini.

"Keadaan ini terlalu berbahaya untuk bot kecil dan bot ekspres. Dalam bulan ini sahaja, sudah 14 nyawa terkorban dalam tragedi bot karam di perairan negeri ini dan kita tidak mahu tragedi sama berulang," katanya.

Beliau merujuk kepada tragedi bot panjang, yang membawa 27 orang yang pulang dari majlis perkahwinan, terbalik di Batang Lassa dekat Kampung Kut di Daro Sabtu lepas.

Menurutnya semua pengusaha bot penumpang telah dimaklum mengenai perkara itu dan diarah menghentikan operasi masing-masing buat sementara waktu sehingga diberitahu kelak.

Jurucakap LSS itu berkata operasi bot ekspres bagi laluan berkenaan akan disambung semula selepas laut kembali tenang.

"Pemberhentian operasi ini akan menyukarkan penumpang yang hendak pulang ke kampung halaman bagi menyambut Tahun Baharu Cina tetapi demi keselamatan penumpang, kami terpaksa hentikan operasi ini buat sementara," katanya.

Beliau berkata LSS juga akan melancarkan Operasi Tahun Baharu Cina di semua laluan bot ekspres di negeri ini bagi memastikan keselamatan penumpang.

Operasi dua fasa itu dari 28 hingga 30 Jan dan fasa kedua dari 3 hingga 4 Feb akan disertai 150 anggota penguatkuasa LSS yang antara lain mahu memastikan bot penumpang tidak membawa lebih muatan, penumpang memakai jaket keselamatan dan penumpang membeli tiket.

Fenomena ikan terdampar di pesisir

Kehadiran hidupan laut yang terdampar di daratan mengundang pelbagai ramalan masyarakat setempat

SEJAK kebelakangan ini, fenomena hidupan laut terdampar di sekitar kawasan pantai peranginan sering terpampang di dada-dada. Bagi segelintir pihak, kejadian itu dilihat sebagai satu 'bahasa' alam yang mengatakan akan berlaku suatu bencana tidak lama lagi.

Pada Disember tahun lalu, negara telah dikejutkan dengan rakaman video yang tersebar luas di laman YouTube. Rakaman selama dua minit 15 saat itu memaparkan ribuan ikan tamban melompat-lompat naik ke darat seperti ketakutan.

Kejadian pelik di pesisir pantai Kampung Tambisan, Lahad Datu, Sabah pada 24 Disember lalu, kira-kira puluk 8 pagi itu telah mengubah warna landskap pantai kepada putih. Ia juga mencetuskan keresahan dalam kalangan penduduk kampung yang mendakwa bencana tsunami mungkin

| ronaalam

berlaku.

Keadaan dilihat bertambah buruk dengan perairan Sabah yang sememangnya terdedah dengan kemungkinan berlakunya bencana alam seperti tsunami. Namun begitu, pelbagai langkah awal telah diambil bagi mengelakkan kejadian itu berlaku, termasuk pemasangan tiga boyta amaran tsunami di luar garis pinggir laut Malaysia.

Boya yang berperanan untuk memantau dan mengesan ancaman tsunami itu dipasang di Pulau Rondo, Pulau Layang-Layang dan Pulau Sipadan, Sabah merupakan antara komponen utama Sistem Amaran Awal Tsunami Kebangsaan (SAATNM). Sistem amaran yang dipasang kerajaan sebagai sistem amaran awal

berikutnya tragedi tsunami pada 26 Disember 2004 di Lautan Hindi yang melibatkan negara-negara seperti Malaysia, Indonesia, Thailand, Myanmar, Maldives, Somalia, India dan Sri Lanka itu bertujuan memberi maklumat kepada pihak berkaitan meteorologi tentang gempa bumi yang berlaku di wilayah berhampiran Malaysia.

Menafikan

Bagaimanapun, Jabatan Meteorologi Sabah menafikan dakwaan sesetengah pihak kononnya fenomena pelik di pantai Kampung Tambisan, Lahad Datu itu sebagai petanda tsunami bakal berlaku.

Fenomena itu mencetuskan pesta ikan dalam kalangan penduduk setempat yang mengambil kesempatan mengaut rezeki tambahan untuk dibawa pulang.

Difahamkan ikan tamban amat popular dalam kalangan

PENOLONG Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Muzium Sarawak, Mohd. Nor Omar (kiri) memeriksa bangkai hidupan laut yang ditemui di kawasan peranginan Pasir Panjang, Sarawak.



SAMBUNGAN...
KOSMO (INFINITI) : MUKA SURAT 33
TARIKH: 22 JANUARI 2014 (RABU)

penduduk sekitar dan nelayan. Terdapat juga sebahagian besar ikan tersebut dijual di sekitar daerah tersebut pada harga antara RM3 hingga RM15 sekilogram.

Selang empat hari selepas kejadian tersebut, dalam satu laporan akhbar tempatan, berlaku penemuan bangkai hidupan laut bersaiz gergasi di kawasan peranginan Pasir Panjang yang terletak di Kampung Santubong, Sarawak.

Bangkai hidupan laut yang masih tidak diketahui spesiesnya itu mempunyai panjang lebih empat meter ditemui oleh pekerja resort di sana, Mohd. Hamzah Man pada pukul 7 pagi.

Difahamkan, bangkai hidupan laut itu yang hampir mereput itu telah dipukul ombak kuat ke tepi pantai.

Dalam pada itu, baru-baru ini juga digemparkan dengan penemuan seekor anak ikan

paus yang masih hidup yang mempunyai panjang kira-kira 12 meter terdampar di Pantai Kampung Kuala Tatau, Bintulu, Sarawak.

Kehadiran ikan paus yang dipercaya jenis paus sirip itu disedari oleh penduduk yang tinggal berdekatan pantai berkenaan. Apa yang menyediakan, ketika mamalia ini ditemui orang awam, beberapa bahagian kulitnya didapati menggelembung akibat terdedah dengan sinaran matahari dan terdapat kesan luka di badannya.

Petanda

Pengarah Institut Akuakultur Tropika, Universiti Malaysia Terengganu, Prof. Emeritus Dr. Mohd. Azmi Ambak menolak dakwaan fenomena ikan terdampar di pantai yang berlaku baru-baru ini sebagai satu petanda berlakunya bencana alam.


"Kejadian pelik ini berlaku akibat pemakanan tanpa had organisma dalam air, plankton, yang merupakan sumber penting makanan bagi hidupan akuatik termasuk ikan tamban.

"Pengambilan tanpa had itu memberikan kesan toksin dalam organ hidupan laut tersebut semasa proses penapisan makanan. Ini secara tidak langsung telah mengganggu deria ikan tersebut dan menyebabkan mereka naik ke darat," jelasnya ketika dihubungi *Infiniti* baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Mohd. Azmi berkata, air pasang besar atau alunan ombak memberi kesan terhadap haiwan tersebut.

"Ia juga menyebabkan mamalia laut ini hilang panduan arah di laut dan terdampar di pantai. Apabila keadaan ini berlaku, haiwan tersebut sukar untuk kembali ke laut dan berada dalam keadaan nyawa-nyawa ikan," ujarnya.

IKAN paus ini mati terdampar di pantai selatan Bantul, Yogyakarta, Indonesia pada tahun 2012.



**KERATAN AKHBAR
THE SUN (NEWS WITHOUT BORDERS) : MUKA SURAT 06
TARIKH: 22 JANUARI 2014 (RABU)**

Strong winds, rough seas warning

KUALA LUMPUR: Strong north easterly winds in waters off Kelantan, Terengganu, Pahang, East Johor, Sabah, Labuan and Sarawak, are expected to continue until Saturday. Winds with speeds of 60kmph will be accompanied by waves of more than 5.5m, the Meteorological Department said yesterday. – Bernama